

- c. Bagi meringankan beban tanggungan ibu bapa, bayaran Yuran Makan Asrama boleh dijelaskan secara berperingkat atau mengikut penggal persekolahan dalam tahun semasa.

4.6.2 Wang Cagaran Asrama dan Yuran Kebajikan Murid Asrama

Surat Pekeliling Iktisad Bilangan 11 Tahun 2011 - Pemansuhan Bayaran Tambahan Pesekolahan Di Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan bertarikh 8 November 2011 telah **MEMANSUHKAN** kedua-dua bayaran ini mulai sesi persekolahan tahun 2012.

4.6.3 Bayaran Perkhidmatan Dobi

- a. Bagi sekolah yang menyediakan perkhidmatan dobi, kadar bayarannya ditentukan oleh pihak yang menyediakan perkhidmatan tersebut.
- b. Pihak sekolah dinasihatkan supaya berunding dengan pihak yang menyediakan perkhidmatan dobi dalam menentukan kadar bayaran perkhidmatan tersebut.

4.7 Bayaran-Bayaran Berkaitan Pengurusan Murid

- 4.7.1 Bayaran bayaran ini merupakan bayaran bagi peibagel rekod dan fail pengurusan murid seperti kad kokurikulum, buku peraturan sekolah, buku laporan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, fail Laporan Kemajuan Murid, buku rekod Bacaan Niam dan fail kerja kursus
- 4.7.2 Berkaitan perkara 4.7.1, pihak sekolah boleh memperimbangkan bagi menyerap mana-mana perbelanjaan pengurusan, sama ada menggunakan peruntukan Geran Per Kapita (PCG) mata pelajaran/ bukan mata pelajaran dan Lain-Lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) untuk menyediakan keperluan ini